

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 24 JUN 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 29

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-022-L19473
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah perancangan jangka panjang pihak Kementerian dalam memastikan industri pelancongan W.P Labuan berdaya saing dan mampu bersaing dengan negeri-negeri lain.
2. PR-022-L19711
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional melanjutkan kontrak Ketua Setiausaha Negara setelah tempoh lanjutan kontraknya selama dua tahun berakhir Jun ini. Tidakkah langkah pelanjutan seperti ini menghalang peluang pegawai-pegawai lain dalam sektor awam sekali gus mencetuskan ketidakpuasan hati di kalangan mereka yang boleh menjejaskan produktivitinya.
3. PR-022-L18778
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah PTPTN menampung "shortfall" dalam dana bagi perbelanjaan pengurusan apabila caj pengurusan PTPTN dikurangkan daripada 3 peratus kepada 1 peratus mulai 1 Jun 2008.
4. PR-022-L19249
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat bayaran kembali caruman PERKESO untuk balu-balu yang berkahwin semula sepertimana pelaksanaan bayaran pencen.

5. PR-022-L18825
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah jumlah Gempa Bumi atau gegaran yang dikesan berlaku di sekitar negara ini sejak tahun 2000. Berapakah jumlah kemalangan jiwa serta kerugian harta benda yang direkodkan.
6. PR-022-L19800
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menarik lebih ramai rakyat terutama golongan muda membaca akhbar dan penerbitan berkala bagi mendapatkan maklumat berbanding melayari Internet.
7. PR-022-L19690
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional Kerajaan menaikkan kadar tambang semua jenis pengangkutan awam termasuklah bas ekspres dan teksi di dalam keadaan krisis ekonomi sekarang.
8. PR-022-L19144
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berikutan perbelanjaan hampir RM2 bilion telah dibelanjakan bagi membina Smart Tunel untuk mengatasi masalah banjir di Bandaraya Kuala Lumpur, namun keadaan banjir masih lagi serius. Mengapakah Smart Tunel ini tidak efektif dalam mengatasi masalah banjir seperti yang dirancang.
9. PR-022-L18554
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
 - (a) berapakah jumlah dan jenis apa terbitan filem atau pun dokumentari oleh Kementerian bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan ; dan
 - (b) jika ya, apakah tahap keberkesanan promosi ini serta berapa ramaikah pelancong yang datang ke negara ini melalui promosi ini.
10. PR-022-L19319
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan pelajar yang sedang mengikuti Pengajian Juruterbang dan usaha Kerajaan dalam membantu pelajar yang kurang mampu membayar yuran yang terlalu mahal.

11. PR-022-L19126
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah elaun imam dan bilal kesemuanya akan di seragamkan di seluruh Malaysia dan mengapakah mereka ini tidak diberi pendapatan tetap mengikut skim gaji Kerajaan dengan ditambah insentif-insentif tertentu agar dapat mengangkat martabat institusi keagamaan.
12. PR-022-L19812
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan perumahan Kerajaan yang mengambil kira graduan muda yang baru keluar bekerja dan ingin mendirikan rumah tangga supaya mereka juga mampu memiliki rumah sendiri, khasnya di bandar-bandar di mana kos rumah semakin meningkat.
13. PR-022-L19060
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan menggerakkan sekolah-sekolah bagi membantu menerapkan visi wawasan Satu Malaysia, di mana sekolah sebenarnya mampu melahirkan golongan belia yang bersatu dan bergerak seiringan aspirasi negara dengan mengetepikan perbezaan yang berdasarkan kepada bangsa dan agama serta menjadi kekuatan bangsa Malaysia.
14. PR-022-L19387
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah cukai lapangan terbang dan caj bahan api yang dikutip oleh Air Asia sepanjang tahun 2008 sehingga sekarang dan jumlah yang dikembalikan kepada penumpang yang membatalkan penerbangan mereka ataupun yang gagal mendapat atau terlepas pesawat.
15. PR-022-L20012
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik terkini bagi pekerja yang telah dibuang kerja akibat krisis ekonomi 2008/2009 dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan oleh pihak Kementerian untuk membantu mereka yang diberhentikan termasuk mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian.
16. PR-022-L19477
Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam usaha membangun dan menyediakan kemudahan tenaga elektrik kepada penduduk-penduduk yang tinggal jauh di kawasan pedalaman dan pulau-pulau.

17. PR-022-L18497
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapakah jumlah dan di manakah tempat yang berpotensi untuk dijadikan pusat janaan kuasa hidro elektrik di Sarawak. Berapa megawatt akan diperoleh secara keseluruhannya dan adakah ini akan dapat menampung keperluan Malaysia pada tahun yang akan datang.
18. PR-022-L18951
Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan akan bercadang untuk mengurangkan kadar faedah kad kredit daripada 18% kepada 10% dan menghapuskan caj lambat bayar sebanyak 1% yang dikenakan oleh bank; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk melindungi pengguna kad kredit daripada ditindas oleh bank dengan pelbagai caj-caj tambahan.
19. PR-022-L18480
Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada kerajaan bercadang menaikkan hukuman kepada penjenayah terutama peragut dan Mat Rempit memandangkan terdapat banyak kes yang mengakibatkan kehilangan nyawa baru-baru ini dan ini akan menjejaskan imej negara.
20. PR-022-L19562
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah rasional Kerajaan mengarahkan dasar "Common Religion" dilaksanakan; dan
 - (b) adakah Kerajaan sedar bahawa dasar tersebut bercanggah bukan sahaja dengan hukum syarak malahan bertentangan dengan Perlembagaan dan keputusan Mahkamah.
21. PR-022-L19006
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar penggunaan jenama Bir halal oleh syarikat pengedar minuman tersebut bukan sahaja mengelirukan masyarakat Islam tetapi turut menyemai bibit-bibit kemudaratan sosial di kalangan umat Islam. Apakah tindakan susulan Kerajaan mengatasi masalah tersebut.

22. PR-022-L18549
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai jumlah pendatang yang telah memohon dan diberi taraf warganegara Malaysia, serta bilangan mengenai kes-kes jenayah yang dilakukan oleh mereka dan adakah kerakyatan itu akan ditarik balik.
23. PR-022-L18847
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan tumpuan khusus Kementerian yang memberi penekanan aspek pembangunan insan bagi memastikan penduduk luar bandar tidak ketinggalan dalam menikmati kemajuan negara selaras dengan konsep Satu Malaysia.
24. PR-022-L19086
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah alasan projek naik taraf melebarkan jalan Persekutuan dari Plaza Tol Rawang Lebuhraya PLUS ke Bandar Rawang dan ke Bandar Tasik Puteri belum dimulakan dan jangkaan projek tersebut akan disiapkan.
25. PR-022-L19411
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan perbelanjaan yang telah digunakan bagi menaik taraf talian Internet di sekolah yang masih menggunakan teknologi Very Small Aperture Terminal (VSAT) yang perlahan berbanding Asymmetric Digital Subscriber Line (ADSL).
26. PR-022-L19964
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan konkrit yang akan diambil oleh Jabatan Imigresen dan Kementerian Kesihatan untuk memperbaiki keadaan di Depot-depot Tahanan Imigresen apabila terdapat kes kematian dua orang tahanan di Depot Tahanan Imigresen Juru baru-baru ini.
27. PR-022-L19720
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah yang diambil untuk meningkatkan tahap dan standard Lebuhraya Persekutuan yang terdapat di Sabah.
28. PR-022-L19456
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja sama ada dalam sektor awam dan swasta dalam negeri dan berapakah jumlah yang telah diambil berkhidmat / bekerja serta terangkan status masing-masing.

29. PR-022-L19085
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang akan dibuat oleh Kerajaan atas caj perkhidmatan transit yang dikenakan oleh Jabatan Kastam Kerajaan Negara Brunei Darussalam sebanyak Dollar 25 hingga 100 untuk setiap kenderaan persendirian atau perdagangan yang melintasi negara tersebut selain cukai.
30. PR-022-L19615
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang kajian yang dibuat oleh Kerajaan sebagai asas dalam membuka keputusan untuk meliberalisasi 27 sub-sektor perkhidmatan. Apakah sektor-sektor yang bakal mendapat manfaat dan apakah sektor-sektor yang diunjurkan menghadapi saingan sengit dari pihak luar.
31. PR-022-L18871
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikutan di Malaysia di anggarkan terdapat kira-kira 200,000 ribu Mat Rempit. Mat Rempit ini terlibat dengan kegiatan yang melanggar undang-undang dan sedang mengancam keselamatan nyawa masyarakat dengan perilaku jenayah mereka yang menjadikan masyarakat sentiasa di belenggu ketakutan justeru apakah penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan terhadap isu yang sedang mengancam keselamatan rakyat dan negara.
32. PR-022-L19853
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mempertingkatkan disiplin pasukan polis dan mencegah rasuah di kalangan pasukan polis dan adakah langkah-langkah itu berkesan.
33. PR-022-L19979
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapa pengguna streamyx mengalami kehilangan paket data Internet yang mencecah 45 peratus terutamanya ke destinasi Amerika Syarikat dan nyatakan tindakan yang telah diambil oleh MCMC untuk memantau dan menyelesaikan masalah ini.
34. PR-022-L19204
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah penurunan pelaburan asing yang dialami negara ketika ini dan sektor-sektor pelaburan yang terlibat dalam penurunan ini. Bagaimanakah kementerian boleh mengatasi kemelesetan atau penurunan pelaburan asing ini.

35. PR-022-L18683
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah pro-aktif yang diambil oleh semua Naib Canselor universiti tempatan dalam menambahbaikkan prestasi universiti masing-masing terutama di peringkat antarabangsa.
36. PR-022-L19227
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kos purata untuk membiayai seorang penagih dadah di Pusat Serenti daripada masuk hingga keluar, dalam tahun-tahun 2004 hingga 2008. Nyatakan peratusan kejayaan, yakni peratusan yang tidak kembali(relapse). Adakah peratusan ini menunjukkan peningkatan keberkesanan pemulihan yang dilaksanakan.
37. PR-022-L19110
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk menggalakkan orang awam terlibat secara langsung dalam menambah nilai aktiviti pelancongan negara, misalnya menggalak penanaman bunga raya supaya menghasilkan bunga secara serentak, mengadakan pesta buah-buahan pada masa-masa yang tertentu untuk dijadikan projek pelancongan.
38. PR-022-L19645
Datuk Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah masih ada caj kad kredit pelanggan oleh pihak bank kepada peniaga-peniaga.
39. PR-022-L19522
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia akan fenomena perubahan iklim (Climate Change) yang kini melanda seluruh dunia. Adakah Kementerian bercadang mewujudkan Pelan Dasar Perubahan Iklim seperti di China bagi mengambil langkah pencegahan terhadap fenomena alam.
40. PR-022-L19153
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perkembangan terkini tentang Malaysia-Japan International University of Technology (MJIUT) yang dirancang menerima pelajar kemasukan pertama pada pertengahan tahun 2009.

41. PR-022-L19798
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindak balas Pihak Berkuasa Tempatan seluruh negara berikutan Mahkamah Persekutuan telah mengeluarkan penghakiman pada bulan Julai 2008 bahawa PBT tidak boleh mengenakan denda lewat cukai taksiran ke atas pembayar-pembayar cukai seperti dalam kes Generation Products lawan Majlis Perbandaran Klang, bagi mematuhi keputusan tersebut dan apakah langkah yang telah PBT ambil.
42. PR-022-L19830
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan sama ada jangka panjang dan jangka pendek untuk terus membantu pasaran saham Malaysia (BSKL) terus diminati oleh pelabur tempatan dan pelabur asing.
43. PR-022-L19355
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah kemajuan usaha untuk menyampaikan bantuan yang diberikan oleh rakyat Malaysia kepada penduduk Gaza yang diputuskan untuk dilaksanakan oleh Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO).
44. PR-022-L18529
Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan hasil dan pencapaian lawatan rasmi Perdana Menteri ke Republik Rakyat China. Bagaimanakah pencapaian ini akan memberi manfaat kepada rakyat.
45. PR-022-L18647
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil terhadap majikan-majikan yang mengekalkan pekerja asing dan membuang pekerja tempatan dan menyembunyikan pekerja tanpa izin di premis, kilang dan syarikat.
46. PR-022-L18703
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang cadangan untuk mengadakan insurans untuk ternakan dan tanaman, bilakah boleh dilaksanakan.
47. PR-022-L19761
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci berapakah lesen yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat 4D untuk menjalankan "Special Draw" sepanjang tahun 2009, jumlah kutipan cukai untuk setiap "draw" yang telah diadakan dan rasional Kerajaan membenarkan "Special Draw" ini.

48. PR-022-L19744
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan dari pihak Kerajaan untuk membersihkan nama Perdana Menteri yang dicalarkan oleh Media Asing dalam kes rasuah dan kes pembunuhan wanita asing.
49. PR-022-L20135
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan ;-
- (a) sama ada penilaian dibuat untuk meminda Akta Sewa Beli 1967 yang kini menggunakan kiraan "flat rate" berasaskan jumlah pembiayaan permulaan kepada kiraan faedah "monthly rest" berasaskan baki belum jelas ; dan
 - (b) sila nyatakan jumlah pinjaman sewa beli sejak 2004.
50. PR-022-L19301
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengenai garis panduan dalam konsep 1 Malaysia iaitu 'keadilan sosial'. Namun, kebebasan untuk media bersuara masih terbatas dan langsung tidak menggambarkan dasar demokrasi yang beliau ketengahkan. Adakah terdapat kelonggaran untuk media bersuara setelah konsep ini diperkenalkan oleh beliau.
51. PR-022-L18713
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah sektor perkhidmatan awam di Malaysia adalah terbesar jika dibandingkan dengan bilangan penduduk dan adakah pengambilan di sektor awam berasaskan kepujian seseorang individu. Jika tidak, mengapakah sedemikian.
52. PR-022-L20058
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapa kes-kes kemalangan berlaku di Pintasan Muar sejak 2005 sehingga kini; dan
 - (b) senaraikan pemandu yang terlibat dalam kemalangan maut mengikut jenis kenderaan, umur, jantina, bulan dan masa kemalangan berlaku dan punca-punca utama kemalangan ini.

53. PR-022-L18804
Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah target baru akan dibuat di dalam membasmi kemiskinan tegar negara di luar bandar.
54. PR-022-L18861
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) bagaimana peruntukan kewangan disalurkan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil; dan
 - (b) berapakah peruntukan untuk Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina dan Sekolah Tamil untuk lima tahun yang lepas.
55. PR-022-L19864
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah SPR akan menimbang semula Kaedah Penggunaan 'indelible ink' pada Hari Mengundi.
56. PR-022-L19384
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah kes jenayah Mat Rempit dari Januari 2000 hingga April 2009; dan
 - (b) apakah usaha-usaha dan tindakan-tindakan telah dan akan diambil untuk mencegah kegiatan Mat Rempit ini.
57. PR-022-L19891
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
- (a) bilangan Koperasi Rakyat Miskin dan Ibu Tunggal (KOBERA) yang telah ditubuhkan sejak pelancaran oleh Perdana Menteri pada tahun 2008 lepas; dan
 - (b) berapakah jumlah Dana pelancaran yang di peruntukan kepada Koperasi-koperasi berkenaan dan adakah aktiviti Koperasi dapat menaikkan taraf hidup anggota mereka.

58. PR-022-L19048
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai isu dan tindakan susulan terhadap kes penyebaran gambar-gambar bedah siasat Allahyarham Adik Nurin Jazlin yang dibuat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tersebut.
59. PR-022-L20179
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengawal dan mencegah wabak H1N1 di negara ini.
60. PR-022-L19125
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) kedudukan terkini berkaitan masalah disiplin pelajar; dan
 - (b) adakah masalah beban tugas guru yang melampau menjadikan disiplin terabai.
61. PR-022-L19475
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan agensi khas untuk memantau dan menguatkuasakan penggunaan label halal pada produk dan perkhidmatan kerana penyalahgunaan dan penipuan yang berleluasa mutakhir ini telah menimbulkan keresahan orang ramai khususnya masyarakat Islam.
62. PR-022-L18966
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah kos sewaan dan pengubahsuaian Muzium Adat Jelebu dan siapakah pemiliknya.
63. PR-022-L19771
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cara penyelesaian yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah perundangan dan sosial berbangkit berikutan insiden di mana salah seorang ibu bapa bukan Islam yang menganut Islam dan soal hak penjagaan anak-anak dalam keluarga yang asal yang tersusul.

64. PR-022-L18516
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pemberian biasiswa untuk program luar negara dan dalam negara mengikut kaum dengan keputusan peperiksaan SPM 2008 dan nyatakan keputusan yang telah diambil untuk memastikan ketelusan pemberian biasiswa bagi mengelakkan "brain drain" dan ketidakpuasan hati di kalangan pelajar cerdas pandai.
65. PR-022-L20091
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah (kuantiti) minyak dan gas yang telah dikeluarkan daripada kawasan perlombongan bersama Malaysia - Thai bagi tahun 2006, 2007 dan 2008.
66. PR-022-L18408
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Silterra Malaysia Sdn. Bhd. telah berjaya menebus bon pinjaman dengan mengikut jadual dari Japan Bank for International Cooperation yang Kerajaan Malaysia menjadi penjamin, berapa kadar faedah dan jumlah yang belum selesai, jika ada.
67. PR-022-L19681
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan pembangunan ke atas bekas tapak lapangan terbang Tawau yang luasnya lebih kurang 300 ekar di mana untuk kepentingan umum orang awam membantah jika tapak ini di bangunkan oleh pihak swasta.
68. PR-022-L19440
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah pub dan kelab malam berlesen dan tidak berlesen yang dikenal pasti beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan, Putrajaya dan Kuala Lumpur sejak Januari 2008 dan adakah ada lesen dikeluarkan bagi tempat-tempat berkenaan untuk menawarkan khidmat GRO.
69. PR-022-L18777
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah pelan tindakan Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan teknologi hijau dan mengurangkan pengeluaran karbon (carbon emission) di Malaysia, terutamanya dalam sektor penjaan perkilangan dan perladangan dengan mempromosikan mekanisme CDM (Clean Development Mechanism).

70. PR-022-L20032
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status dan tindakan terhadap projek terbengkalai jalan raya di antara Teluk Kumbar dan Genting di Balik Pulau.
71. PR-022-L19196
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan sama ada GMC Utama Sdn. Bhd. mempunyai lesen sah mengoperasi "Mat Kiosk" dan "Airku" sehingga terdapat 138 kes penipuan dilaporkan kepada pihak polis.
72. PR-022-L18998
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan memberi peruntukan kepada negeri Pulau Pinang untuk menguruskan Tapak Warisan Sedunia UNESCO.
73. PR-022-L20132
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan pengambilan dan latihan rekrut polis dan bilangan polis yang terkini. Walaupun sesetengah aspek polis seperti cawangan khas mempunyai tahap yang tertentu, apakah standard kepolisian di semua bidang berbandingkan dengan negara-negara seperti United Kingdom.
74. PR-022-L19655
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah wabak Influenza A (H1N1) memberikan kesan ketara kepada pasaran saham tempatan seperti mana yang pernah berlaku ketika wabak selesema burung (H5N1) pada tahun 2002.
75. PR-022-L18787
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah petugas di sektor perubatan yang dikenakan tindakan tatatertib sepanjang tahun lalu dan apakah usaha konkrit Kementerian dalam memastikan sistem perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas dengan isu disiplin petugas perubatan di negara ini.
76. PR-022-L20040
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci projek yang dilaksanakan di kawasan Serdang dalam tahun 2008 di bawah peruntukan khas YAB. Perdana Menteri sebanyak RM500,000. Nyatakan projek, kos dan syarikat yang melaksanakan projek berkenaan.

77. PR-022-L19318
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek-projek awam yang tergendala mengikut jadual pelaksanaannya di seluruh negara dan kerugian yang ditanggung akibat kelewatan pelaksanaan serta tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah tersebut.
78. PR-022-L19924
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah pelaksanaan Garis Panduan Hiburan Islam yang berada di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); dan
 - (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk menjadikan garis panduan ini sebagai akta.
79. PR-022-L19524
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk pembiayaan kesihatan (health financing) penduduk (rakyat dan warga asing) negara ini memandangkan kos pembiayaan perubatan semakin meningkat dan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu skim insurans kesihatan mengikut model PERKESO.
80. PR-022-L19787
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah tertentu yang telah dan akan diambil dalam waktu terdekat ini terutamanya dalam isu politik, sosio ekonomi serta pendidikan bagi meyakinkan rakyat jelata bahawa dasar Kerajaan serta perlaksanaannya selaras dengan konsep 1 Malaysia seperti yang diperkenalkan oleh YAB. Perdana Menteri.
81. PR-022-L18677
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pendapatan (revenue) termasuk cukai pengangkutan, levi, royalti, cukai pendapatan (income tax) dan sebagainya hasil dari Sabah yang dikutip oleh Kerajaan pusat melalui Kementerian, jabatan-jabatan dan agensinya sejak dari tahun 1963-1970, 1971-1980, 1981-1990, 1991-2000 dan 2001-2009.
82. PR-022-L18632
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat mendirikan sebuah politeknik atau kolej komuniti yang ditaja oleh Kerajaan di bahagian Sarikei selaras dengan moto satu Parlimen satu kolej. Jika ya, bila.

83. PR-022-L19179
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa permintaan Spaz Sdn. Bhd. (projek naik taraf jalan FT5 dari Klang ke Kapar (fasa 3) untuk peruntukan sebanyak RM11 juta masih belum diluluskan walaupun Kementerian telah terima peruntukan yang besar dari Pakej Perangsang 1 dan 2.
84. PR-022-L19424
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah yang dibelanjakan oleh rakyat Malaysia dan pelancong luar dalam industri judi di pusat-pusat perjudian dalam negara.
85. PR-022-L18526
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
- (a) projek Membangunkan Semula Kompleks Plaza Rakyat, Kuala Lumpur dikatakan akan disambung semula selepas semua urusan perundangan selesai. Bilakah kerja-kerja pembangunan dimulakan; dan
 - (b) siapakah kontraktor yang telah dianugerahkan kerja ini dan berapakah kos yang terlibat.
86. PR-022-L19977
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjung Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) sama ada Kementerian telah memberi peruntukan yang sewajarnya kepada pegawai-pegawai kebajikan untuk menjalankan tugas di kawasan Parlimen Tanjung Manis untuk melancarkan permohonan-permohonan Borang JKM Cari; dan
 - (b) jika tidak, apakah sebab-sebabnya.
87. PR-022-L19766
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah manfaat secara langsung khususnya kepada rakyat luar bandar hasil daripada konsep 1 Malaysia yang diilhamkan baru-baru ini.
88. PR-022-L18505
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Anugerah Seniman Negara dalam memajukan industri seni negara.

89. PR-022-L18660
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah untuk membetulkan fakta-fakta sejarah Malaysia sebelum Kemerdekaan khususnya dalam buku teks sekolah.
90. PR-022-L18429
Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah cara-cara untuk meningkatkan lagi kegiatan mempromosi Malaysia di luar negara dan tarikan terhadap pelancong untuk datang ke negara kita.
91. PR-022-L18583
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang di ambil untuk memastikan semua Hotel, Motel, Chalet dan Rumah Tumpangan di seluruh negara memiliki 'Sijil Halal' bersesuaian dengan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam.
92. PR-022-L19599
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kertas siasatan SPRM yang lengkap untuk laporan polis Datuk Seri Anwar Ibrahim bertarikh 1hb Julai 2008 terhadap Tan Sri Abdul Gani Patail dan Tan Sri Musa Hassan telah diberi kepada panel tiga hakim bersara termasuk laporan perubatan bertarikh 26hb Oktober 1998 yang direka oleh Dr. Abdul Rahman Yusof bersama dengan Tan Sri Abdul Gani Patail.
93. PR-022-L19716
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemajuan dalam perundingan dua hala Malaysia dan Kyrgyztan yang dikendalikan oleh Unit Perancang Ekonomi.
94. PR-022-L19034
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan akan memansuhkan terus lesen judi; dan
 - (b) jika tidak, apakah yang telah menjadi halangan.
95. PR-022-L19916
Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan menjalankan penyiasatan terhadap laporan 'kes' membawa senjata api ke Sidang Dun Perak' yang berlaku pada 7 Mei 2009 lalu. Apakah hasil siasatan dan tindakan terhadap mereka yang berkenaan serta adakah DUN Perak, atau DUN-DUN lain membenarkan orang membawa senjata api masuk ke Dewan.

96. PR-022-L18986
Tuan Raime Bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa jawatan kontrak di agensi sektor awam banyak ditawarkan dalam iklan akhbar berbanding tawaran jawatan tetap dalam sektor awam, sedangkan perkhidmatan sektor awam amat memerlukan tenaga kerja yang berjawatan tetap bagi melicinkan perjalanan pentadbiran awam negara.
97. PR-022-L20031
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap akhbar-akhbar dan media asing yang memburuk-burukkan Perdana Menteri sendiri di negara-negara di mana akhbar dan media tersebut diterbitkan.
98. PR-022-L19676
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan risiko penularan jangkitan virus seperti Influenza A (H1N1) dan penyakit berjangkit lain yang sedang melanda negara pada masa ini.
99. PR-022-L19409
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan fakta berkaitan pembunuhan Encik Muthusamy a/l Palanisamy, KP 801102-08-5317 di Taman Daya, Johor Bahru pada tengah hari 22 Mei 2009. Adakah Kerajaan bercadang mengadakan inquiri terhadap kejadian ini.
100. PR-022-L19588
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pencari kerja yang berdaftar dengan Kementerian bagi tahun 2008 dan suku pertama tahun 2009 dan nyatakan peratusan yang telah berjaya mendapat pekerjaan dan peratusan yang masih menganggur.
101. PR-022-L18999
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan-tindakan Kementerian untuk memperkasakan NCER (Koridor Ekonomi Utara) sebagai hub pengangkutan di Pulau Pinang dan sama ada ia akan membiayai satu kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam di Pulau Pinang.
102. PR-022-L18911
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan selari dengan konsep Satu Malaysia, tidakkah Bank-bank Komersial di Malaysia bercadang untuk menerima Cek-cek yang ditulis dengan bahasa Tamil. Ini adalah kerana, menulis Cek di dalam bahasa Malaysia, Inggeris dan Cina adalah diterima oleh Bank-bank berkenaan.

103. PR-022-L19539
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang menurunkan umur kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun.
104. PR-022-L18600
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menjadikan media tempatan (televisyen, radio dan akhbar) lebih inovatif dan kreatif bagi menarik golongan muda yang kini lebih banyak melayari Internet sebagai sumber rujukan.
105. PR-022-L18933
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan Kerajaan ke atas laporan Organisation For Economic Co-Operation And Development (OECD) yang menyenaraikan Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA) di antara tiga pusat perlindungan cukai yang tidak memberi kerjasama. Jelaskan bentuk kerjasama yang diperlukan, tindakan yang diambil dan kesannya kepada Labuan sebagai pusat kewangan dan perniagaan antarabangsa.
106. PR-022-L19316
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha meningkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan Polis di luar bandar :-
- (a) apakah standard atau ukuran digunakan dalam menentukan kedudukan atau status sebuah Ibu Pejabat Polis; dan
 - (b) jumlah kejadian jenayah yang dilakukan oleh warga asing dalam negara ini.
107. PR-022-L19021
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pendekatan yang bakal diambil bagi memastikan kurikulum yang diajar di sekolah berjaya membentuk atau melahirkan pelajar yang mempunyai peribadi yang kental dalam mengatasi masalah sosial yang wujud di kalangan masyarakat kita kini.
108. PR-022-L19264
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini serta rancangan untuk Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh.

109. PR-022-L18899
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah wang yang telah diperuntukkan untuk SJK (T) Kulim dari tahun 2000 sehingga 2008.
110. PR-022-L19245
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa projek usaha sama Proton Holding Berhad dengan Goldstar Heavy Industrial Co. Ltd. di Dongguan, China gagal, berapa kerugian Proton di alami dan apakah kemungkinan boleh menang dalam kes tindakan undang yang diambil oleh Goldstar di Singapura.
111. PR-022-L18602
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah sebab-sebab Kementerian mengeluarkan larangan untuk tidak membangkitkan isu pembunuhan Altantuya Shaariibuu semasa berkempen dalam pilihan raya kecil pada bulan Mac lepas ; dan
 - (b) manakah undang-undang yang diperuntukkan kepada Kementerian untuk mengeluarkan larangan sedemikian.
112. PR-022-L18468
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mempraktikkan semula Sistem Ujian Lisan secara menyeluruh/komprehensif kepada pemohon-pemohon yang kurang mahir di dalam penggunaan komputer khususnya kepada penduduk negeri Sarawak; dan
 - (b) adakah pemohon-pemohon yang dimaksudkan boleh dikecualikan daripada mengambil ujian berkomputer dan ujian bertulis dalam perkara ini tanpa melalui tapisan yang ketat.
113. PR-022-L19903
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pengangkutan Awam yang ditubuhkan akan merangka serta melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Awam (Public Transport Master Plan) dan apakah status pembentukan 'draft public transport master plan'.

114. PR-022-L18731
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk memperkembangkan perladangan kayu jarak (jetropa) sebagai salah satu perusahaan utama pertanian Malaysia.
115. PR-022-L18945
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah pragmatik dan konkrit ke arah merealisasikan konsep 1 Malaysia di kalangan masyarakat majmuk di negara ini; dan
 - (b) peranan kakitangan Kerajaan dalam memastikan konsep 1 Malaysia mampu diterjemahkan dalam pentadbiran seharian dan sejauh manakah penerimaan rakyat terhadap konsep 1 Malaysia terutamanya kaum Tionghoa dan India di negara ini.
116. PR-022-L19622
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ;-
- (a) berapakah jumlah pelaburan Petronas dan MISC di Myanmar; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan mengarahkan Petronas untuk menarik pelaburan di Myanmar sekiranya pihak junta terus mencabul hak asasi rakyat Myanmar dan menolak semua saranan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dan ASEAN.
117. PR-022-L19342
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan mengapakah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah melantik Daro World wide Sdn Bhd (syarikat kawalan asing tidak langsung) yang tiada pengalaman mengendalikan "call center" tanpa melalui proses tender terbuka bahkan telah membayar pendahuluan RM3.8 juta kepadanya serta bayaran bulanan sebanyak RM47,500 yang terdahulu dan kos telekomunikasinya.
118. PR-022-L20099
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan subsidi yang diberikan ataupun cukai yang dikutip daripada pengguna untuk setiap liter petrol yang dijual, termasuk jenis RON98, RON95 dan diesel.

119. PR-022-L18789
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kerajaan akan meminda Akta Hasutan bagi memperkemaskannya dengan lebih terperinci dan memasukkan hukuman mandatori memandangkan masih banyak pihak bangkit isu-isu sensitif seperti ungkit, cabar dan hina. Begitu juga akta ISA apakah ianya akan dipinda untuk diperkemas bagi menangani isu-isu keselamatan negara dengan lebih berkesan tetapi telus dan tidak dituduh menyalahgunakan kuasa.
120. PR-022-L18411
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan persediaan negara menjadi HUB dan "Role Model" perbankan Islam serta mekanisme mengawal selia perbankan Islam yang berbeza dari sistem perbankan konvensional.
121. PR-022-L19564
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapa setelah lebih 200 borang cari telah dikembalikan kepada Jabatan Kebajikan Daerah Miri, hanya 10 orang sahaja permohonan diluluskan, adakah pengesahan oleh Ahli Yang Berhormat yang turun padang tidak boleh digunakan.
122. PR-022-L19839
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan dan usaha Kerajaan untuk memastikan rangkaian bekalan dalam bidang industri pembinaan dan keperluan harian pengguna tidak dikuasai oleh sesetengah pihak dan berapa peratuskah ianya dimiliki oleh Bumiputera.
123. PR-022-L18819
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada banci yang menyeluruh akan diadakan semula untuk mengenal pasti mereka yang berkelayakan seperti miskin tegar / ibu tunggal dan lain-lain untuk disenaraikan dalam sistem E-Kasih di kawasan Parlimen Sri Aman.
124. PR-022-L19293
Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementeriannya bercadang untuk menambah lagi program bersempena dengan Perayaan Gawal Dayak, lebih-lebih lagi dengan program yang ditayangkan pada 1 Jun.

125. PR-022-L18625
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah nilai peruntukan serta perbandingan untuk setiap Persatuan Belia yang berasaskan Sukan dan Kepimpinan bagi tempoh sepanjang tahun 2007 dan 2008 dan bagaimanakah kaedah penyaluran bantuan tersebut dilaksanakan.
126. PR-022-L19825
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapakah Hospital Daerah Segamat yang dirancang dan dicadangkan menjadi hospital pakar dan hospital rujukan sehingga kini belum menjadi kenyataan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Menteri Kewangan** dan masalah dicadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, menurut Peraturan 66A dan 67B Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat:

“BAHAWASANYA, berikutan pelantikan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia yang ke-enam, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan penyusunan semula beberapa Kementerian berkuat kuasa 10 April 2009 seperti berikut:

- (a) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi diserap ke Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kewangan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani;
- (b) Fungsi-fungsi dan agensi-agensi di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan diserap ke Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan; dan
- (c) Fungsi Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berkaitan dengan komunikasi dan agensi di bawahnya iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dipindahkan ke Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

DAN BAHAWASANYA –

- (i) perbelanjaan pengurusan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian yang disusun semula itu telah diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2009 (Akta A1340);
- (ii) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian- kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];
- (iii) perbelanjaan pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan Kementerian-kementerian yang disusun semula telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2009;

- (iv) amaun yang belum dibelanjakan yang berhubungan dengan Kementerian-kementerian yang peruntukan untuknya perlu dikurangkan itu telah disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];
- (v) bagi Kementerian-kementerian yang disusun semula itu, perlu dibuat penguntukan semula peruntukan perbelanjaan pengurusan dan pembangunannya berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya;
- (vi) menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 66A Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, tertakluk kepada suatu Rang Undang-Undang Perbekalan yang telah diluluskan mengikut Peraturan Mesyuarat 66, mana-mana penguntukan semula peruntukan perbelanjaan boleh dibuat melalui suatu usul oleh seorang Menteri,

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DEWAN INI membuat ketetapan seperti berikut:

1. Berkaitan dengan Perbelanjaan Mengurus –
 - (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion lapan puluh lapan juta dua ratus tiga puluh enam ribu tiga ratus sembilan ringgit (RM1,088,236,309) di bawah Maksud B.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Maksud B.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak dua belas juta satu ratus tujuh puluh ribu empat ratus tiga puluh dua ringgit (RM12,170,432), Maksud B.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak satu bilion lima puluh empat ribu lima ratus ringgit (RM1,000,054,500) Maksud B.24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak empat juta tujuh ratus tiga ribu tujuh ratus sembilan puluh dua ringgit (RM4,703,792), Maksud B.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak enam puluh tiga juta lima ratus lapan puluh tujuh ribu lapan ratus lapan puluh lima ringgit (RM63,587,585) dan Maksud B.27 Kementerian Kerja Raya sebanyak tujuh juta tujuh ratus dua puluh ribu ringgit (RM7,720,000);

- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi empat ratus dua puluh sembilan juta sembilan ratus ribu sembilan ratus lapan puluh tujuh ringgit (RM429,900,987) di bawah Maksud B.44 Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kepada Maksud B.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak seratus lapan belas juta enam ratus empat puluh tujuh ribu lima ratus empat puluh tujuh ringgit (RM118,647,547) dan Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan) sebanyak tiga ratus sebelas juta dua ratus lima puluh tiga ribu empat ratus empat puluh ringgit (RM311,253,440); dan
- (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi lima juta dua ratus tujuh belas ribu tujuh puluh enam ringgit (RM5,217,076) di bawah Maksud B.26 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kepada Maksud B.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan).

2. Berkaitan dengan Perbelanjaan Pembangunan –

- (a) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi satu bilion tiga ratus enam puluh enam juta sembilan ratus sembilan puluh ribu empat ratus dua puluh lapan ringgit (RM1,366,990,428) di bawah Maksud P.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Maksud P.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak enam juta enam ratus ribu ringgit (RM6,600,000), Maksud P.10 Perbendaharaan sebanyak tiga ratus dua puluh lima juta lapan ratus tiga puluh tujuh ribu lapan ratus ringgit (RM325,837,800), Maksud P.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebanyak dua juta sembilan ratus ribu ringgit (RM2,900,000), Maksud P.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak enam ratus lapan puluh satu juta dua belas ribu ringgit (RM681,012,000) , Maksud P.24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak dua ratus tujuh puluh empat juta enam ratus tujuh puluh lapan ribu lapan ratus sembilan puluh empat ringgit (RM274,678,894), Maksud P.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak tujuh puluh dua juta tiga ratus dua puluh enam ribu satu ratus sembilan puluh lima ringgit (RM72,326,195) dan Maksud P.27 Kementerian Kerja Raya sebanyak tiga juta enam ratus tiga puluh lima ribu lima ratus tiga puluh sembilan ringgit (RM3,635,539);
- (b) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi enam ratus tiga puluh tiga juta lima puluh sembilan ribu enam ratus dua puluh empat ringgit (RM633,059,624) di bawah Maksud P.29 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kepada Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan); dan

- (c) membenarkan pemindahan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus sepuluh juta satu ratus dua puluh lima ribu tiga puluh sembilan ringgit (RM210,125,039) di bawah Maksud P.44 Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kepada Maksud P.06 Jabatan Perdana Menteri sebanyak dua puluh enam juta tujuh puluh sembilan ribu tujuh ratus ringgit (RM26,079,700) dan Maksud P.47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan) sebanyak satu ratus lapan puluh empat juta empat puluh lima ribu tiga ratus tiga puluh sembilan ringgit (RM184,045,339).”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (23 Jun, 2009)

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 4/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009.
(Perdana Menteri) | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 11/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) (Pindaan) 2009
(Perdana Menteri) | “ |
| 4. | (D.R. 8/2009) | Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009
(Kementerian Kewangan) | “ |
| 5. | (D.R. 10/2009) | Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Pindaan) 2009
(Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri) | “ |
| 6. | (D.R. 30/2008) | Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008.
(Perdana Menteri) | “ |
| 7. | (D.R. 29/2008) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008.
(Kementerian Perdagangan Dalam Negeri , Koperasi dan Kepenggunaan) | Bacaan Kali Yang Kedua |

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM757,459,247 kepada ekuiti Bank Pertanian Malaysia Berhad, suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan)".

9. PR-022-U18570

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sistem pendawaian luar terutama sekali bagi bekalan elektrik pada ketika ini. Adalah amat usang dan ada kalanya amat tidak teratur mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang ada pada ketika ini juga boleh mendatangkan bahaya kepada para pengguna terutama sekali bagi pendawaian yang merentasi jalan raya. Dan mengambil maklum bahawa sistem pendawaian yang sedia ada juga merupakan pencemaran pemandangan di mana kabel yang dipasang sering kali kelihatan tidak teratur, berjuntai dan usang. Maka dengan ini Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar atau pun polisi bahawa semua pendawaian luar bagi bekalan elektrik, terutama sekali di kawasan perumahan dibuat melalui sistem pendawaian bawah tanah."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

10. PR-022-U18572

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pemanasan dunia kini berada dalam keadaan yang kritikal dan salah satu daripada penyumbang kepada keadaan ini adalah penjanaan tenaga elektrik. Dan mengambil maklum bahawa bekalan bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik juga semakin berkurangan. Dan mengambil maklum bahawa keperluan bekalan elektrik di negara ini juga kian meningkat dan peningkatan ini sebahagian besar disebabkan oleh pembaziran tenaga elektrik, di mana lampu, kipas dan pendingin udara dipasang walaupun tidak diperlukan. Dan mengambil maklum bahawa isu ini adalah isu global tetapi dapat diselesaikan secara lokal di mana setiap orang mempunyai peranan untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik dan sekali gus mengurangkan punca pencemaran dan pemanasan dunia."

Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan menggubal satu dasar atau pun undang-undang bagi mendakwa dan menghukum mereka yang sengaja membazir tenaga elektrik. Ketetapan juga haruslah diambil untuk memastikan semua ketua Jabatan Kerajaan, Agensi Kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan bertanggungjawab untuk mengurangkan pembaziran tenaga elektrik ini dan dimuatkan sebagai salah satu daripada kriteria indeks petunjuk prestasi mereka."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

11. PR-022-U18573
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kanak-kanak adalah permata negara. Dan mengambil maklum bahawa potensi permata negara haruslah digilap sejak awal-awal lagi, seawal peringkat prasekolah mengambil maklum bahawa seawal peringkat pra-sekolahlah permata negara ini harus ditanamkan dan dibudayakan dengan unsur-unsur dan prinsip rukun negara dan konsep 1 Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa sebagai taman bimbingan pra-sekolah yang terbesar di seluruh negara, Tabika Kemas boleh memainkan peranan ini. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta pihak Tabika Kemas untuk memainkan peranan ini dengan lebih aktif lagi demi untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti, berilmu, sopan dan patriotik."

[Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah]

12. PR-022-U20149
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan strategi yang terpenting untuk melengkapkan negara ini terus menghadapi kemerosotan ekonomi dunia serta membolehkan negara ini mengambil kesempatan yang baik apabila ekonomi global mula pulih."

[Kementerian Kewangan]

13. PR-022-U20151
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan kaedah yang paling berkesan untuk mengatasi cabaran mungkin berlakunya pandemik selesema A H1N1 yang sedang melanda dunia. Dewan ini juga membincangkan jangkitan penyakit yang lain seperti meningitis, denggi dan leptospirosis."

[Kementerian Kesihatan]

14. PR-022-U19935

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

15. PR-022-U19942

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di Negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

16. PR-022-U19947

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

[Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

17. PR-022-U19953

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

[Perdana Menteri]

18. PR-022-U19956

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja penambahbaikan perjalanan dan pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)"

[Kementerian Dalam Negeri]

19. PR-022-U18678

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dan menetapkan dengan seriusnya mengenai keraguan rakyat Malaysia di Sabah terhadap kedudukan kerakyatan orang-orang asing tanpa proses yang ditetapkan dalam undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan yang hendaklah dikaji dan diputuskan."

[Kementerian Dalam Negeri]

20. PR-022-U18679

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dan menetapkan terhadap keraguan dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa apa-apa pindaan kepada Perkara 159 hendaklah tertakluk kepada Perkara 161E untuk menjamin perlindungan kedudukan Perlembagaan Sabah dan Sarawak dengan memperuntukkan bahawa persetujuan Tuan Yang Dipertua Negeri Sabah hendaklah diperolehi untuk pindaan kepada perlembagaan yang menyentuh Perjanjian 20 Perkara seperti:(a) Kewarganegaraan (b) Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak(c) Perkara di bawah kuasa perundangan Badan Perundangan Negeri"

[Perdana Menteri]

21. PR-022-U18680

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan dengan seriusnya mengenai kadar kemiskinan yang melanda negeri Sabah. Apakah sebenarnya sebab-sebab kadar kemiskinan di negeri ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung, contohnya pada tahun 2007 kadar kemiskinan di Kelantan 7.2% sedangkan Sabah 16%. Keprihatinan mengenai kedudukan kemiskinan di Sabah haruslah diberi tumpuan yang khusus demi untuk memartabatkan rakyat Malaysia mendapat layanan dan perhatian yang sama tanpa mengira suku kaum, kebudayaan dan agama."

[Perdana Menteri]

22. PR-022-U18752

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mencari satu jalan untuk menyeragamkan segala undang-undang memeluk agama kerana keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini langsung tidak efektif dan tidak dapat dikuatkuasakan."

[Perdana Menteri]

23. PR-022-U18458

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membawa resolusi mengecam dan memutuskan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Sri Lanka di mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di atas kezaliman Kerajaan tersebut dalam pembunuhan orang awam Tamil beramai-ramai di Utara-Timur Sri Lanka."

[Kementerian Luar Negeri]

24. PR-022-U18462

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu Kerajaan Persekutuan tidak mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan penerapan lebih banyak calon-calon dari masyarakat India dalam sektor perkhidmatan awam. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian dalam isu ini agar pengambilan kakitangan ke dalam sektor perkhidmatan awam mengimbangi kaum, jantina dan merit."

[Perdana Menteri]

25. PR-022-U18464

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum iaitu kebanyakan Sekolah-Sekolah Tamil di Negara berada dalam keadaan yang serba kekurangan sehingga mendatangkan kesan negatif kepada para pelajar. Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan supaya memberi perhatian khusus terhadap pembinaan Sekolah-Sekolah Tamil yang baru dan menaik taraf Sekolah-Sekolah Tamil yang sedia ada di mana perkara ini akan menyediakan suasana pembelajaran yang selamat dan selesa kepada pelajar."

[Kementerian Pelajaran]

26. PR-022-U20067

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh MINDEF, mesti dibentangkan di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya dijadikan sebagai syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

[Kementerian Pertahanan]

27. PR-022-U20167

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan agar Kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyegerakan proses penstrukturan semula air di seluruh negara agar pengurusan rawatan dan pengagihan air dikembalikan kepada pihak Kerajaan negeri bagi keefisyenan serta membela kepentingan rakyat dan pengguna, khususnya bagi negeri Selangor yang telah tergendala proses ini akibat sikap dingin pihak Kementerian dalam membuat keputusan yang wajar, tegas dan muktamad."

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

28. PR-022-U20168
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengingatkan pihak Kabinet supaya jangan membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlu lebih berhati-hati dalam membuat keputusan khususnya dalam hal yang membawa implikasi pertentangan Mahkamah Sivil dan Syariah , contohnya dalam kes "agama bersama" atau "common" religion baru-baru ini, sebelum dirujuk pelbagai pihak seperti golongan pemimpin agama-agama termasuk para alim ulama, para pengamal perundangan sivil dan syariah, tokoh-tokoh akademik dan cendekiawan serta pemimpin masyarakat sivil, bagi memitigasi konflik pertentangan agama dan perundangan."

[Perdana Menteri]

29. PR-022-U20169
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini segera membuat ketetapan bagi menangani kemelut pemberian Basiswa Seberang Laut JPA yang setiap tahun berdepan dengan pelbagai pertikaian dengan cara menjadikan sistem penilaian itu satu yang jelas kriterianya (peratus input akademik dan ko-kurikulum) dan telus untuk semua dan dijadikan ia satu isu kategori biasiswa cemerlang untuk seberang laut" serta menetapkan bidang-bidangnya yang lebih menyeluruh bukan sahaja perubatan dan kejuruteraan, tetapi juga kewangan dan ekonomi serta syariat, falsafah dan selainnya bagi benar-benar melahirkan tokoh-tokoh hebat dalam bidang masing-masing. Dewan ini juga perlu menetapkan pelbagai lagi biasiswa lain sama ada yang belajar dalam atau luar negara bagi golongan pelajar lain."

[Perdana Menteri]

30. PR-022-U19220
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

[Perdana Menteri]

31. PR-022-U19225

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja Siasatan Kes Pembunuhan Altantuya Sharibuu yang mati dibunuh beberapa tahun lalu. Daripada siasatan dan perbicaraan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."

[Kementerian Dalam Negeri]

32. PR-022-U0188

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] akan mencadangkan:-

"**BAHAWASANYA** beberapa bulan yang terdekat ini, rakyat mendapati polis telah bertindak secara tidak bertanggungjawab, secara sewenang-wenangnya melanggar undang-undang dan pilih kasih (double standard) dalam tindakan-tindakan mereka.

Antara tindakan-tindakan mereka yang mempunyai unsur-unsur di atas adalah seperti berikut :-

1. Menghalang Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Perak daripada memasuki Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak pada 3/3/2009.
2. Mematuhi arahan daripada Setiausaha DUN Perak dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan bukannya arahan daripada Speaker DUN Perak apabila menghalang ADUN-ADUN Perak daripada memasuki DUN Perak pada 3/3/2009.
3. Pada 29/3/2009, YB Ong Boon Piaw, ADUN dari DAP bagi kawasan DUN Tebing Tinggi, Perak telah ditangkap dan ditahan kerana mengeluarkan DVD rakaman perjalanan persidangan DUN Perak yang berlangsung pada 3/3/2009 tetapi YB Dato' Dr Mah Hang Soon ADUN dari MCA bagi kawasan Chenderiang, Perak tidak ditangkap atau ditahan apabila beliau mengeluarkan insiden persidangan DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009.
4. Pada 5/5/2009, aktivis dan ahli akademik, Wong Chin Huat telah ditangkap selepas menyeru rakyat Malaysia berpakaian hitam.

5. Pada 6/5/2009, 14 orang individu termasuk seorang ahli Parlimen ditangkap merana menunjukkan soladiriti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
6. Pada 7 Mei juga, 15 orang individu dan 5 peguam ditangkap kerana menunjukkan solidariti bersama Wong Chin Huat di depan balai polis Brickfields, Kuala Lumpur.
7. Pada 7/5/2009, 69 orang individu termasuk ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri telah ditangkap dan ditahan semasa minum dan makan di restoran, sedang berjalan kaki atau pakai pakaian warna hitam di kawasan Ipoh, Perak. Kegiatan-kegiatan ini langsung tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang.
8. Pihak polis mencero bohi DUN Perak pada 7/5/2009 dan secara paksa mengheret keluar YB V. Sivakumar, Speaker DUN Perak daripada DUN Perak dan mengurung beliau dalam sebuah bilik.
9. Sewenang-wenangnya tidak membenarkan rakaman insiden DUN Perak yang berlaku pada 7/5/2009 ditayangkan dalam Majlis Makan Malam DAP di Sitiawan, Perak pada 9/5/2009 dan secara ganas dan berkelakuan samseng memberhentikan jamuan makan malam tersebut dan merampas alat-alat audio video yang digunakan untuk tayangan rakaman tersebut tetapi apabila pihak MCA menayangkan insiden 7/5/2009 tersebut di jamuan Makan Malam MCA di Ipoh pada 17/5/2009 mereka dibenarkan berbuat demikian.
10. Pada 26/5/2009 jam lebih kurang 7.00 pagi, polis telah sewenang-wenangnya menangkap 5 orang pekerja yang sedang membuat persiapan memasang belon untuk pelancaran mogok lapar di bangunan DAP Perak dan alasan yang diberikan oleh Ketua Polis Negeri Perak ialah kerana perkataan 'Daulat Tuanku' atas belon tersebut merupakan satu kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948.
11. Polis bertindak tidak membenarkan orang ramai secara aman berkumpul untuk mengadakan kempen memasang lilin untuk menunjuk solidariti dengan rakyat Perak. Mereka yang berbuat demikian di Kuching, Pulau Pinang, Seputeh & Ampang, Kuala Lumpur telah ditangkap dan ditahan oleh pihak Polis.
12. Pada 26/5/2009, polis tanpa asas yang kukuh dari segi undang-undang telah menangkap 21 orang termasuk seorang Ahli Dewan Rakyat, 7 ADUN Perak.
13. Kedaulatan undang-undang dicabuli oleh pihak polis dan ia seakan-akan tidak ada undang-undang lagi di Malaysia terutamanya negeri Perak.

14. Beberapa laporan polis telah dibuat terhadap tindakan-tindakan salah di atas yang dilakukan oleh pihak polis tetapi tidak ada tindakan yang diambil terhadap anggota-anggota polis yang bersalah.

BAHAWASANYA ramai rakyat sekarang mula memberi gelaran 'Polis, Raja di Malaysia' kepada pasukan polis dan pasukan polis tidak lagi digelar 'Polis DiRaja Malaysia' oleh mereka.

BAHAWASANYA setiap Ahli Dewan Rakyat telah berikrar untuk memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Malaysia. Tindakan-tindakan salah polis di atas telah melanggar Perkara-perkara 5 (kebebasan diri), 8 (sama rata), 9 (kebebasan bergerak) dan 10 (kebebasan bercakap, berhimpun dan persatuan) Perlembagaan Persekutuan.

MAKA untuk memulihkan kepercayaan orang ramai kepada institusi polis dan juga untuk memastikan keadaan yang tersebut di atas diperbetulkan dan tidak berlarutan, saya ingin mengusulkan Dewan yang mulia ini untuk membuat satu ketetapan bahawa Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa bin Hassan dipecat dari jawatannya dengan serta-merta.

[Kementerian Dalam Negeri]

33. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan). 'Islam adalah agama bagi persekutuan ***termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya***'

[Perdana Menteri]

34. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan). 'Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, ***kecuali undang-undang dan syariat Islam,***

apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan ***Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara'*** hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu.'

[Perdana Menteri]

35. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan)

'Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya, termasuk menukar agamanya bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya'

[Perdana Menteri]

36. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut :-

'...tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan...' dan diganti dengan perkataan berikut ;

'dan mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syara' dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam'.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas".

[Perdana Menteri]

37. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan keputusan Majlis Fatwa kebangsaan pada 08hb.Oktober 1987 dan mengambil langkah memansuh dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain orang yang beragama Islam tidak dipaksa dan/ atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/ atau bertafakur di hadapan Tugu Negara yang telah difatwakan sebagai syirik’.

38. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan otoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja”.

39. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

40. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa Caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai ‘**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**’ dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut”.

[Perdana Menteri]

41. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Caucus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai ***Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India***”.

[Perdana Menteri]

42. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains & Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikan ia dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut”.

[Kementerian Pelajaran]

43. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan’.

[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

44. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta”.

[Kementerian Dalam Negeri]

45. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini menganbil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutamanya pramugari memakai pakaian / uniform yang mematuhi hukum syara’ sebagaimana syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Emirates Airways, Saudi Airlines, Royal Brunei Airline dan lain-laian”.

[Kementerian Pengangkutan]

46. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirate Airways, Brunei Airline dan lain-lain.

[Kementerian Pengangkutan]

47. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom dipremisnya”.

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]

48. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dalam kegiatan militant Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al Maunah dan lain-lain termasuk Mas Selamat dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi".

[Kementerian Dalam Negeri]

49. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baru]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jame' Bandar Raya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan Solat teruatamanya solat Jumaat dan kedua Eidulfitri & Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini".

[Perdana Menteri]

50. PR-022-U18752
Tuan Zulkifli Bin Noordin (Kulim Bandar Bharu) akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan/atau menarik balik arahan supaya kes-kes penceraian pasangan bukan Islam yang salah seorang dari mereka memilih untuk memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil; atau kes-kes anak-anak bawah umur yang di Islamkan oleh ibu, bapa atau penjaga mereka (yang asalnya bukan Islam) yang kemudiannya memilih memeluk Islam dibicarakan di Mahkamah sivil.

Bahawa Dewan ini juga mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya membatalkan dan / atau menarik balik arahan supaya dasar “common religion” (dengan izin) yang hendak diterima pakai bagi kes-kes kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dimana semua kanak-kanak dibawah 18 tahun dianggap menganut agama ibu-bapanya semasa dilahirkan sedangkan dasar “common religion” ini bercanggah dengan hukum syara’ dan perundangan negara seperti berikut:

- i. kerana secara langsung menyebabkan ibu, bapa atau penjaga (yang bukan Islam) dan memilih untuk memeluk Islam akan kehilangan hak penjagaan anak tersebut; sekaligus membantutkan usaha da’wah Islam kerana bukan Islam akan menjadi ragu-ragu untuk memeluk Islam kerana khuatir kehilangan anak;
- ii. dalam keadaan kedua ibu-bapa kanak-kanak (yang asalnya bukan Islam) memilih untuk memeluk Islam maka dasar “common religion” tersebut akan menyebabkan kanak-kanak itu kekal dalam agama asal ibu bapanya dan oleh itu mendedahkan kanak-kanak itu menjadi perebutan untuk penjagaan oleh mana-mana pihak ketiga yang bukan Islam;
- iii. sedangkan hukum syara’ menetapkan bahawa dalam keadaan mana-mana salah seorang ibu-bapanya memeluk Islam maka kanak-kanak dibawah umur aqil baligh itu hendaklah dianggap Islam.
- iv. Dalam kes *Nedunchelian v. Nur Safiqah* [2005] 2 AMR 711, Mahkamah Tinggi sivil telah memutuskan bahawa menurut hokum syara’ berdasarkan fahaman mazhab syafi’e (yang dianuti majority umat Islam di Malaysia) bahawa apabila salah seorang ibu atau bapa seseorang kanak-kanak itu memeluk agama Islam, maka secara automatik anak-anak itu juga dianggap Islam, tanpa perlu kepada formaliti atau persijilan pemelukan kepada agama Islam.
- v. Mahkamah Rayuan didalam kes *Subashini* [2007] 2 AMR 540 telah memutuskan bahawa isu ini tertakluk kepada Artikel 12 (4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa “ugama bagi seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya” dan Mahkamah Rayuan menafsirkan bahawa hak menentukan agama seseorang kanak-kanak bergantung kepada mana-mana salah seorang daripada mereka iaitu ibu, bapa atau penjaga. Bermakna salah seorang daripada mereka berhak untuk menentukan agama yang boleh di anuti oleh anak-anak mereka.

- vi. Keputusan Mahkamah Rayuan ini bersesuaian dengan keputusan Mahkamah Persekutuan didalam kes Teoh Eng Huat v. MAIK [1990] MLJ 300.
- vii. Bahawa dasar “common religion” ini hanya berteraskan kepada anggapan bahawa kanak-kanak itu dianggap menganut agama ibubapanya semasa dilahirkan, dan tanggapan itu termansuh dengan sendirinya apabila kanak-kanak itu mencapai umur 18 tahun di mana di waktu itu sebagai seseorang yang sudah cukup umur kanak-kanak itu mempunyai hak untuk menentukan agama pilihannya. Sudah tentu dasar seperti ini bercanggah dengan hukum syara’ kerana seseorang kanak-kanak Muslim itu dianggap kekal Muslim apabila mencapai umur aqil baligh melainkan diisytiharkan murtad oleh mana-mana Hakim syarie yang melaksanakan undang-undang Islam.
- viii. Dasar ini juga akan menyebabkan pasangan yang memeluk Islam itu terikat kepada sistem perundangan yang bukan Islam dan ini bercanggah sama sekali dengan hukum syara dan juga Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin dan kebebasan mana-mana warganegara menganut dan mengamal agama pilihannya, bermakna apabila beliau memilih Islam maka beliau berhak untuk dibicarakan di Mahkamah Syariah menurut undang-undang munakahat Islam;
- ix. Dasar yang diputuskan oleh kabinet termasuk mengarahkan kes-kes seumpama di atas dibicarakan di Mahkamah Sivil dan melaksanakan dasar “common religion” akan menyebabkan kepada percanggahan dengan hukum syara, bercanggah dengan Artikel 11, Artikel 12, Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan dan bercanggah dengan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan dan lain-lain.

(Perdana Menteri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2009</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.40	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional (BSN) Bagi Tahun 2008.	24 Jun 2009
ST.51	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) Bagi Tahun 2008.	24 Jun 2009

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 24.6.2009 (Rabu)	1. Tuan Mohd Firdaus Jaafar (Jerai)	1. Seksyen 107 Kanun Prosedur Jenayah	1. Menteri Dalam Negeri
2. 24.6.2009 (Rabu)	2. Tuan John a/l Fernandez (Seremban)	2. Banjir Kilat di kawasan Ulu Temiang dan Bukit Jong.	2. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.